

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

YAM 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi. - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Kesemuanya EMPAT (4) soalan mesti dijawab. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan SATU (1) soalan dalam Bahagian B. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan.

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN A

1. Nyatakan sama ada kenyataan-kenyataan berikut Betul atau Salah. Beri alasan bagi setiap kenyataan yang anda anggap salah.
 - a. Bernama yang ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Parlimen telah menjadi pengedaran tunggal berita-berita asing mulai 1 Mei 1984.
1969
 - b. Akhbar The Star adalah berbentuk 'broadsheet' manakala akhbar New Straits Times berbentuk 'tabloid'.
 - c. Pengiklan menggunakan iklan untuk menjual barang mereka.

...2/-

Angka Giliran: _____

- d. Apabila Schramm mengatakan "medium is the message" beliau bermaksud saluran mesej mempunyai pengaruh yang kuat ke atas bagaimana mesej itu ditanggap oleh penerima.
- e. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan komunikasi massa adalah cara yang paling berkesan dalam usaha-usaha pemujukan dan penukaran sikap.
- f. Rancangan-rancangan televisyen yang diimport dengan banyaknya oleh negara-negara Dunia Ketiga menggambarkan fenomena aliran maklumat antarabangsa yang tidak seimbang.
- g. Antara fungsi komunikasi massa dalam proses pembangunan negara ialah menjadi saluran maklumat mengenai teknologi baru.
- h. Akhbar seringkali digelar sebagai cabang kuasa keempat kerana peranannya mengawasi penyelewengan dalam perundangan, kehakiman dan eksekutif.
- i. Antara konsep komunikasi yang diutarakan oleh McLuhan ialah media panas dan media sejuk.

...3/-

Angka Giliran: _____

- j. Salah satu fungsi utama pegawai perhubungan awam ialah untuk menyembunyikan semua perkara buruk yang melibatkan syarikatnya.

(20 markah)

- 2a. Dengan memberikan contoh-contoh yang spesifik, bincangkan sejauh mana media massa di Malaysia memainkan peranan seperti yang disarankan oleh:

- i) Lazarsfeld dan Merton
ii) Harold Laswell
- sebagai sumber
informasi
- dalam alih-alih
- mengakar dalam keadaan sosial
- mengakar dalam keadaan sosial
- mengakar dalam keadaan sosial*

Angka Giliran: _____

- b.uraikan model komunikasi yang pada penilaian anda paling sesuai untuk menerangkan konsep-konsep berikut:

- i) gatekeeper *Wortley McLean*
ii) penapis dan penguatkuasa *RWB*

...5/-

Angka Giliran: _____

- c. Schramm telah menyarankan bahawa teori pengaliran maklumat dua peringkat tidak sesuai untuk menerangkan proses pengaliran maklumat yang sebenarnya berlaku. Apakah yang beliau maksudkan?

Kritikan teori pengaliran dua peringkat

- d. Kenyataan-kenyataan berikut merujuk kepada satu teori komunikasi. Nyatakan apakah teori tersebut:

i. Dalam memaparkan isu mengenai skandal koperasi penerima deposit, adalah menjadi tugas media massa untuk menyiarakan pendapat pelbagai pihak demi menjaga kepentingan masyarakat umum.

ii. Penonton media bukanlah semacam kerbau dicucuk hidung tetapi adalah merupakan penonton yang degil.

Rantangan dan

(30 markah)

...6/-

Angka Giliran: _____

3. Dalam bacaan dan perbincangan kursus, anda sering membaca atau mendengar mengenai konsep pemilihan oleh penonton. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan pemilihan dan mengapa penonton melakukan pemilihan. Huraikan kajian-kajian yang boleh menyokong kewujudan konsep tersebut. Adakah konsep pemilihan masih mempunyai peranan yang besar dalam menerangkan kesan-kesan media mengikut pemikiran masa kini?

(25 markah)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B

SAMA ADA

4. Dalam artikel "New World Information Order," Mustafa Masmoudi menyuarakan ketidakpuasannya terhadap aliran maklumat yang tidak seimbang antara negara-negara maju dengan negara Dunia Ketiga:
- a. Senaraikan lima daripada bantahan beliau terhadap sistem media barat.
 - b. Senaraikan saranan-saranan Masmoudi untuk mengubah ketidakseimbangan ini.
 - c. Adakah pandangan Masmoudi mendapat sokongan dari para pengamal sistem media Barat? Secara ringkas bincangkan pandangan mereka terhadap isu tersebut.

(25 markah)

-8-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...9/-

Angka Giliran: _____

ATAU

5. Tidak dapat dinafikan bahawa kita sekarang berada dalam Era Baru Informasi dengan kemunculan teknologi-teknologi baru dalam bidang telekomunikasi. Huraikan ciri-ciri era tersebut seperti yang dibincangkan oleh Schramm dan Porter dengan menyentuh implikasi terhadap aspek:
- a. pengaliran maklumat yang lebih banyak;
 - b. pengaliran maklumat yang lebih pantas;
 - c. informasi sebagai sumber kuasa kepada mereka yang mampu memperolehinya dengan cepat dan berkeupayaan memprosesnya dengan berkesan.

(25 markah)

...10/-

-10-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

-oooooooo-

374